

Newspaper	Berita Harian
Date	10/3/2013

4 NASIONAL

© AHAD 10 MAC 2013

BH

KEDAULATAN SABAH



Lord Cobbold

Ⓞ Bekas Gabenor Bank of England, **Pengerusi Suruhanjaya Cobbold** yang ditubuhkan pada 17 Januari 1962 bagi meninjau pendapat penduduk Sabah dan Sarawak mengenai pembentukan Malaysia. Tinjauan suruhanjaya itu mendapati lebih 80 peratus penduduk Sabah dan Sarawak menyokong gagasan Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak

Ⓞ Menegaskan Malaysia menolak gencatan senjata satu pihak Jamalul Kiram III selagi kumpulan pengganas tidak meletak senjata tanpa syarat dan menyerah diri.



Presiden Filipina, Benigno Aquino III

Ⓞ Mahu Jamalul Kiram III dan pengikutnya **didakwa di Filipina sebelum mengekstradisi** mereka ke Malaysia atas pertuduhan merancang pemberontakan bersenjata di Sabah.




Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar

Ⓞ Dilantik sebagai Ketua Polis Negara pada 13hb September 2010 dan bersama Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin menjadi komander Ops Daulat.



Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin

Ⓞ Dilantik sebagai Panglima Angkatan Tentera pada 15 Jun 2011 dan adalah komander bersama Ops Daulat.



Jamalul Kiram III

Ⓞ Berusia 74 tahun dan mengaku dirinya Sultan Sulu serta mengeluarkan 'perintah diraja' kepada **pengikutnya menceroboh Sabah** yang didakwa haknya pada 12 Februari lalu.



Azzimudie Kiram

Ⓞ Adik kepada Jamalul Kiram III berusia 60 tahun digelar Raja Muda ini mengetahui pencerobohan serta keganasan di Kampung Tanduo dan Kampung Tanjung Batu. **Dia dipercayai masih hidup**, namun pembantunya berpangkat jeneral dikenali sebagai Haji Musa dikatakan terbunuh dalam Ops Daulat.

Ⓞ 53 PENGGANAS
terbunuh

Ⓞ 31 MAYAT
pengganas belum
dikeluarkan



27 ceroboh zon merah ditahan

BH - 10/3/2013

» Seorang lagi pengganas cuba lolos ditembak mati di Kampung Tanjung Batu

Lahad Datu

Pasukan keselamatan menahan 27 lelaki dalam tiga bot di pantai Kampung Tanjung Batu dekat sini, dan menembak mati seorang lagi pengganas di kampung sama, pagi semalam.

Ini menjadikan jumlah pengganas terbunuh sejak 1 Mac lalu seramai 53 orang, manakala jumlah tangkapan suspek yang disyaki ada kaitan dengan kumpulan militan itu mencecah 106 orang. Semua suspek ditahan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar, berkata 27 lelaki terbabit dikesan pasukan keselamatan yang mengawal pantai Kampung Tanduo dan Kampung Tanjung Batu dalam keadaan mecurigakan jam 10 pagi semalam. Mereka ditahan kerana memasuki zon merah atau zon perang kawasan Ops Daulat.

Tak pasti kerakyatan

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan

siapa mereka, sama ada warga tempatan atau warga asing serta tujuan mereka memasuki kawasan itu.

"Apabila ditahan, mereka mendakwa nelayan. Mereka sudah melanggar zon larangan. Kita tidak mahu sesiapa pun memasuki kawasan operasi kerana berbahaya.

"Kami menyerahkan mereka kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang media bersama Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin di Felda Sahabat 16 dekat sini, lewat petang semalam.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas sama ada 27 lelaki terbabit rakyat tempatan atau pengganas, tetapi mengesahkan tidak menjumpai senjata dalam bot mereka.

Dalam sidang media pada sebelah pagi, Ismail berkata, seorang pengganas ditembak mati ketika cuba meloloskan diri daripada kepungan pasukan keselamatan yang menjalankan operasi mencari dan mengeledah.

Kereta pi Conдор



[Foto ZAINAL ABD HALIM, DATU RUSLAN SULAI, EDMUND SAMUNTING, EFFENDY RASHID, ZUNNUR AL-SHAFIQ, MOHD RADZI BUJANG, MALAI ROSMAH TUAH, OSMAN ADNAN, MOHD ADAM ARININ DAN LANO LAN/ BH]



Newspaper	Berita Harian
Date	10/3/2013

BH 10 MAC 2013 © AHAD

NASIONAL 5

4 KILOMETER
persegi kawasan operasi
di Kampung Tanduo



"Jam 8 pagi tadi (semalam) salah seorang penganas cuba meloloskan diri dari kawasan kepungan di Kampung Tanjung Batu. Tembakan-menembak berlaku dan pasukan keselamatan berjaya menembak seorang penceroboh. Dengan itu, jumlah penganas ditembak mati sejak 1 Mac lalu berjumlah 53 orang," katanya.

Sementara itu, Zulkifeli berkata, kebanyakan penganas kini bergerak dalam kumpulan kecil dan terpeangkap di antara Kampung Tanduo dan Kampung Tanjung Batu yang jaraknya kira-kira lima kilometer.

"Kawasan itu berpayu, tetapi pasukan keselamatan sudah mengepung mereka. Fokus kami adalah kedua-dua kampung itu," katanya.

Mayat penganas
belum dikeluarkan

Dalam pada itu, Ismail berkata, pasukan keselamatan belum mengeluarkan mayat 31 penganas yang ditembak mati di Kampung Tanduo, Rabu dan Khamis lalu.

"Anggota forensik tidak boleh masuk kawasan operasi membatikan empat kilometer persegi di Kampung Tanduo dan kira-kira lima kilometer persegi di Kampung Tanjung Batu, kerana belum disahkan selamat.

"Pasukan itu bertanggungjawab kesan identiti mayat dan bedah siasat mengikut prosedur undang-undang negara, iaitu Kanun Keseksaan untuk mengetahui dan


mengesan kesan tembakan. Hanya selepas proses mengeladiah selesai serta kawasan itu diisytiharkan selamat, pasukan boleh masuk.

"Bagaimanapun, kita dapat ambil gambar beberapa mayat... itu pun berhati-hati dan dari jarak selamat," katanya.

Mengenai identiti mayat lelaki yang dikatakan memakai baju berpangkat jeneral, Ismail berkata, siasatan masih dijalankan.

Ismail juga menafikan dakwaan Jamalul Kiram III kononnya penganas menawan empat rakyat Malaysia, termasuk tiga anggota keselamatan.

"Saya tak tahu dari mana dia (Jamalul) dapat," katanya.



Peguam
wanita cipta
lagu kenang
jasa wira



Lagu "Tidurlah" by Josephine Hadikusumo untuk wira-wira negara yang terkorban pada insiden pencerobohan Lahad Datu diambil dari Youtube. [YONG CHEE CHOONG/BH]

Kota Kinabalu: Walaupun berada jauh di Singapura, Josephine Hadikusumo sukar menahan sebak membaca laporan mengenai lapan perwira negara terkorban ketika mempertahankan negeri kelahirannya.

Insiden pencerobohan di Lahad Datu dan Semporna itu memberi kesan mendalam buat peguam kelahiran Kota Kinabalu, lalu mendorongnya mencipta sebuah lagu patriotik untuk pejuang negara yang gugur dalam peperangan.

Dicipta sambil bermain piano, lagu berjudul "Tidurlah" yang ditulis dan dinyanyikan dalam bahasa Melayu itu turut dimuat naik dalam YouTube.

Sehingga jam 7 malam tadi, klip video tiga minit 43 saat itu dilawati lebih 29,000 pengunjung selain turut dirangka ke media sosial lain seperti Facebook dan Twitter.

"Saya bukan penyanyi atau penulis lirik profesional. Saya hanya insan yang sayangkan Sabah, Malaysia dan penduduknya. Peperangan dan keganasan bukan budaya kita.

"Puas saya memikirkan mengapa ini berlaku, siapa yang bertanggungjawab dan bagaimana menanganinya. Saya tidak dapat menahan sedih mendapat tahu lapan anggota keselamatan terkorban mempertahankan kedaulatan negara," katanya kepada sebuah media tempatan di sini.

Josephine turut berharap keluarga wira negara yang terkorban menerima luahan hatinya menerusi lagu itu sebagai penghargaan terhadap bakti yang dicurahkan.

Katanya, lagu itu menerima maklum balas pelbagai lapisan masyarakat termasuk anggota keselamatan yang menganggapnya sebagai penyuntik semangat untuk terus berjuang mempertahankan kedaulatan tanah air.

TIDURLAH

Tidurlah
Perajurit muda
Lepaskan bebanmu dalam buaian indah
Tidurlah
Lelapkanlah mata
Musim luruh kan berlalu,
malammu menjadi cahaya
Mengapa kamu harus pergi dulu?
Mengapa kamu rebah sebelum waktu?
Bunga-bunga kan kukalungimu
Bersama seribu kasih
Jasamu padaku disanjung
Air mata ku kirim bersama
Doa bagimu, perwira
Usah lagi duka
Usah lagi duka
Tidurlah